

DATE : 24 October 2012
PUBLICATION : Bernama Online
SECTION : -
HEADLINE : AHB Bayar Agihan Pendapatan Sebanyak RM31 Juta Kepada Pemegang Unit



ANDA BERADA DI SINI : BERNAMA › BERITA

▼ iklan



24 Oktober, 2012 19:19 PM

Beli Berita Ini

AHB Bayar Agihan Pendapatan Sebanyak Rm31 Juta Kepada Pemegang Unit

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Pelaburan Hartanah Bhd (PHB) dan Maybank Asset Management Sdn Bhd Rabu mengumumkan agihan pendapatan kedua sebanyak 3.25 sen seunit bagi pemegang saham Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) untuk tahun kewangan 2012, melibatkan jumlah pembayaran kira-kira RM31 juta.

Ini diterjemahkan kepada hasil pendapatan setahun sebanyak 6.5 peratus apabila dibandingkan dengan Pelaburan Am Akaun-i Maybank Islamic Bhd 12 bulan.

Bayaran kedua tahun ini akan terus dikreditkan ke dalam akaun bank pemegang unit pada 25 Okt, 2012.

Ini adalah agihan pendapatan keempat oleh AHB kepada pemegang saham semenjak penubuhannya pada November 2010.

-- BERNAMA

*Kami menyediakan langganan
berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).*